

**BAHAGIAN A; OBJEKTIF**

1 Maklumat berikut adalah dua buah bandar di Malaysia.

- Kerteh, Terengganu
- Bintulu, Sarawak

- A Ibu negeri
- B Tanah yang subur
- C Industri petrokimia
- D Kawasan agropelancongan

2 Apakah faktor yang mempengaruhi proses pembandaran di Malaysia?

- A Kesesakan lalulintas
- B Kadar upah yang tinggi
- C Pemodenan sektor pertanian
- D Perkembangan sektor pembuatan

- Lembah Kinta, Perak
- Lembah Klang, Selangor
- Miri, Sarawak

3 Apakah faktor yang mempengaruhi peletakan petempatan bandar di atas?

- A Sosial
- B Governan
- C Sumber mineral
- D Bentuk muka bumi

- Putrajaya
- Cyberjaya


4 Faktor yang mempengaruhi perletakan dan perkembangan petempatan di atas ialah

- A fizikal
- B governan
- C ekonomi
- D sosial

5 Apakah langkah untuk mengatasi masalah peningkatan suhu di kawasan bandar besar?

- A Mewujudkan kawasan hijau
- B Membina bandar baru
- C Membina bangunan bertingkat
- D Mewujudkan laluan pengangkutan baru

- 6 Perkhidmatan penerbangan domestik semakin penting di Malaysia kerana
- A Memberi saingan kepada pengangkutan kereta api
  - B Menggalakkan kemajuan dalam sektor pembinaan
  - C Menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan
  - D Permintaan perkhidmatan pengangkutan kargo meningkat
- 7 Bagaimanakah sistem telekomunikasi moden dapat meningkatkan ekonomi negara?
- A Memajukan sistem pendidikan
  - B Meningkatkan taraf kesihatan penduduk
  - C Meningkatkan tahap keselamatan negara
  - D Meluaskan aktiviti perdagangan antarabangsa



Rajah 1


- 8 Di manakah terdapat alat komunikasi seperti rajah 1 di atas?
- A Kuantan
  - B Kuching
  - C Seremban
  - D Kota Kinabalu
- 9 Apakah kepentingan pengangkutan darat di Malaysia dari aspek ekonomi?
- A Mewujudkan petempatan baru
  - B Meningkatkan mobiliti penduduk
  - C Memajukan sektor perindustrian
  - D Memperkembangkan sistem pendidikan
- 10 Pembinaan landasan kereta api pada peringkat awal di pantai barat Semenanjung Malaysia dipengaruhi oleh kegiatan
- A perikanan
  - B pertanian
  - C perindustrian
  - D perlombongan

**BAHAGIAN B ; KEMAHIRAN**

Jawab **semua** soalan

**Soalan 1 hingga soalan 5** berdasarkan peta topo siri 2280/2/2008. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1



- (a) Nyatakan **satu** simbol singkatan perkataan yang terdapat dalam segi empat grid di atas

..... [1 markah]


- 2 (a) Bearing masjid Kg. Nyiur (RG 128313) dari jambatan Kg. Parit Lamin RG 092295) ialah

..... [2 markah]

- (b) Sungai Sarang Semut mengalir ke arah ..... [1 markah]

- (c) Apakah fungsi sungai Sarang Semut kepada manusia . [1 markah]

3



- (a) Nyatakan **dua** jenis tanaman yang ditanam dalam segi empat grid di atas.

( i ).....

( ii) ..... [2 markah ]

(b) Nyatakan **tiga** faktor yang menggalakkan pelbagai tanaman di 3(a)

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....


[3 markah]

(c) Senaraikan **dua** kepentingan kegiatan pertanian di dalam peta

- i. ....
- ii. ....

[2 markah]

4



(a) Nyatakan pola petempatan yang terdapat dalam segi empat grid di atas?

.....

[1 markah]

(b) Berikan **dua** faktor yang mempengaruhi pola petempatan di atas 4(a)?

- i. ....
- ii. ....

[2 markah]

5 Senaraikan **lima** fungsi pekan Sungai Kimba di dalam peta

- ( i ) .....
- ( ii ) .....
- ( iii ) .....
- ( iv ) .....
- ( v ) .....

[ 5 markah]

**BAHAGIAN C : STRUKTUR**



**Foto 1**

Foto 1 di atas menunjukkan fenomena cuaca.

a) Namakan fenomena alam dalam foto di atas.

..... [ 1 markah]

b) Nyatakan dua punca yang menyebabkan berlakunya fenomena tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah]

c) Kemukakan tiga langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi fenomena cuaca tersebut.

(i) .....

(ii) .....

( iii ) .....

[ 3 markah]

**BAHAGIAN D : ESEI**

- 1 a Jadual 1 di bawah menunjukkan suhu bagi bandar Brinchang di Tanah Tinggi Cameron dan bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 2014.

Bandar	Suhu (°C) bulanan											
	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Brinchang	14	14	15	16	18	19	20	20	19	19	16	15
Kuala Lumpur	36	36	37	38	37	37	38	39	36	37	36	35

*Sumber : Jabatan Kaji cuaca Malaysia*

Jadual 1

Lukiskan graf garisan bagi menunjukkan perbandingan suhu bagi Bandar Brinchang, Tanah Tinggi Cameron dengan bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2014. Gunakan skala 1 cm mewakili 5°C bagi paksi y

[08 markah]



- b Fenomena jerebu seringkali melanda Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini.
- (i) Terangkan faktor yang mencetuskan fenomena jerebu ini. [4 markah]
- (ii) Apakah kesan jerebu terhadap kegiatan manusia? [4 markah]
- (iii) Kemukakan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani masalah jerebu ini. [4 markah]



## JAWAPAN MODUL HALUS SET 8

### BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

1. C
2. D
3. C
4. B
5. A
6. C
7. D
8. A
9. B
10. D

### BAHAGIAN B ; KEMAHIRAN

- 1 (a) - B.P  
- W.P  
- Sek  
- Klinik  
- Jk.  
- Jbs [1 markah]
- 2 (a) 23°C [2 markah]  
(b) barat [1 markah]  
(c) - Sumber minuman  
- Kegunaan domestic  
- Mengairi kawasan pertanian  
- Aktiviti menangkap ikan  
- Sumber protein  
- Peluang pekerjaan  
- Jalan pengangkutan [1 markah]
- 3 (a) - Padi  
- Getah  
- Kelapa sawit [2 markah]  
(b) - Tanah laterit  
- Tanah aluvium  
- Sistem saliran yang baik  
- Tenaga buruh  
- Jaringan pengangkutan  
- tanah pamah yang subur [3 markah]  
(c) - Mewujudkan peluang pekerjaan  
- Membekalkan bahan mentah  
- Membekalkan sumber makanan  
- Mewujudkan indutri hiliran



- Pembukaan kawasan baru

[2 markah]

4 (a) Berpusat

[1 markah]

- ( b)
- Tanah pamah yang rata
  - Bentuk muka bumi yang rata
  - Sungai
  - Kegiatan ekonomi
  - Jaringan pengangkutan / darjah ketersampaian tinggi
  - Fungsi kawasan / Bandar

[2 markah]

- 5
- Pusat pendidikan
  - Pusat perubatan / kesihatan
  - Pusat keselamatan
  - Pusat pentadbiran
  - Pusat pengangkutan
  - Pusat perhubungan
  - Pusat petempatan

[ 5 markah]

### **BAHAGIAN C : STRUKTUR**

a) Kemarau / el nino

[ 1 markah]

- b) - hujan sangat sedikit
- penebangan hutan secara berleluasa

[ 2 markah]

- c - tumbuhan/haiwan mati
- tanaman musnah
  - aktiviti harian terganggu
  - penyakit merebak/ kesihatan terjejas

[3 markah]

- d - pemeliharaan hutan/ kawasan tadahan air
- penanaman semula

[ 2 markah]

## BAHAGIAN D ; ESEI

- 1 a Tajuk - 1 markah  
Paksi X – 1 markah  
Paksi Y – 1 markah  
Petunjuk – 1 markah  
Plotan – 6 markah  
JUMLAH = 10 MARKAH
- 2 b
- (i) - Letusan gunung berapi  
- Kebakaran hutan  
- Ribut pasir  
- Pembakaran terbuka  
- Perindustrian – menghasilkan debu dan asap  
- Pelepasan asap kenderaan  
- Sektor pembinaan [ 4 markah]
- (ii) - Mengurangkan jarak penglihatan  
- Menjejaskan kesihatan/sakit mata/sakit tekak  
- Mengganggu proses fotosintesis  
- Menyebabkan Hujan Asid  
- Mengganggu urusan perniagaan [ 4 markah]
- (iii) -Mengharamkan pembakaran terbuka  
- Menggunakan insenirator  
- Meninggikan cerobong asap kilang  
- Menguatkuasakan undang-undang  
- Pendidikan Alam Sekitar  
- Kempen contohnya Cintailah Alam Sekitar kita [ 4 markah]